

IBNU KHALDUN

PENGENALAN IBNU KHALDUN


Pengenalan Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh yang utama dalam sejarah, peradaban, falsafah sejarah, sosiologi dan yang seumpama dengannya. Menerusi karya besarnya, al-Muqaddimah, para pengkaji dan sejarawan selepas beliau telah mendapat pelbagai manfaat menerusi cetusan-cetusan idea, konsep dan teori berkenaan dengan kehidupan manusia. Antara pengkaji dan sejarawan yang turut memanfaatkan karya al-Muqaddimah ini ialah Muhammad Jamil Bayyuhum. Beliau merupakan seorang pengkaji dan sejarawan yang berasal dari Lubnan yang hidup di dua kurun yang berbeza, akhir kurun ke-19M dan kurun ke-20M.

BIODATA IBNU KHALDUN

Biodata Ibnu Khaldun

- Nama sebenar beliau ialah Abdul Rahman bin Muhammad bin Muhammad.
- Beliau lebih dikenali sebagai Ibnu Khaldun.
- Beliau dilahirkan di Tunisia pada tahun 732 Hijrah bersamaan dengan tahun 1332 Masihi.
- Keluarganya berketurunan Arab dari Yaman yang berhijrah ke Andalus.
- Bapa Ibnu Khaldun adalah seorang sarjana terkenal.



KEPERIBADIAN IBNU KHALDUN

Keperibadian Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun adalah seorang yang tekun dalam menuntut ilmu. Walaupun beliau sibuk dengan tugas pentadbiran, namun tidak menghalangnya untuk menuntut ilmu. Beliau bijak membahagikan masa untuk masyarakat dan menuntut ilmu.

Beliau seorang yang berjiwa pemimpin. Beliau pernah menjawat jawatan penting seperti Ketua Hakim di Mesir dan Perdana Menteri di Bougie. Semua jawatan ini diberikan kerana kecekapannya mengemukakan idea-idea untuk kemajuan negara.

Keperibadian Ibnu Khaldun

Seorang yang kreatif. Pemikiran Ibnu Khaldun dalam kitab Al- Muqaddimah adalah hasil daripada pengalaman dan kreativiti beliau untuk mengetengahkan sejarah sebagai bidang ilmu yang tersendiri. Buku ini dijadikan bahan kajian oleh sarjana-sarjana Timur dan Barat hingga ke hari ini.

Ibn Khaldun meninggal dunia pada 17 Mac 1406, di Kaherah, Mesir, meninggalkan warisan intelektual penting yang membentuk pemahaman kita tentang sejarah, sosiologi dan dinamika masyarakat manusia.

PENDIDIKAN IBNU KHALDUN

Pendidikan Ibnu Khaldun

Ketika berusia 18 tahun, ilmuan genius itu terpaksa berhenti belajar gara-gara Tunisia ditimpa wabak taun. Beliau bagaimanapun kembali melanjutkan pengajian tinggi dengan guru dan ulama terkenal ketika tinggal di Fez, Maghribi.

Sekitar tahun 1375, Ibnu Khaldun berhijrah ke Granada, Sepanyol. Sekali lagi beliau merantau lantaran keadaan politik di negara tersebut tidak stabil. Beliau ke Algeria, Bougie dan akhir sekali ke Mesir yang menjadi destinasi akhirnya.

Ibnu Khaldun mempelajari ilmu-ilmu fardu kifayah seperti mantik, falsafah, sains dan matematik daripada Muhammad bin Ibrahim al-Abili.

Pendidikan Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun mempelajari asas agama dan bahasa arab daripada Abdul Rahman bin Muhammad (bapa beliau), Muhammad bin Al-Muhaimin Al-Hadrami, Muhammad bin Saad bin Barral Al- Ansari, Muhammad bin Al Syawasyi Al- Zarzali dan ramai lagi.

Semasa di Fez, Ibnu Khaldun mendapat pendidikan tinggi daripada beberapa orang guru yang terkenal seperti Ahmad bin Al-Qassar dan Lisanuddin bin Al-Khatib iaitu pengarang kitab Tarikh Gharnatah.

SUMBANGAN IBNU KHALDUN

Sumbangan Ibnu Khaldun

Menurut riwayat yang masyhur, figura hebat berkenaan dikatakan berkhidmat selama lebih 20 tahun untuk beberapa negara antaranya Tunisia, Maghribi, Andalus dan di Timur Tengah.

Ahli sejarah Arnold Toynbee menyifatkan risalah teori Ibnu Khaldun tentang sejarah, Muqaddimah sebagai 'tidak diragukan lagi karya terbesar seumpamanya yang pernah dicipta oleh mana-mana fikiran pada bila-bila masa atau tempat.'

Ibnu Khaldun dikenali sebagai "Bapa Ekonomi Islam" kerana pemikirannya tentang teori logik dan realistik. Teori yang dikemukannya jauh lebih terdahlu dari teori-teori ekonomi yang dikemukakan pakar ekonomi Barat seperti Adam Smith (1723-1790) dan David Ricardo (1772-1823)

KESIMPULAN

Kesimpulan

Ibnu Khaldun merupakan seorang sarjana Islam yang terkemuka dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang kajian beliau. Beliau sangat disegani oleh sarjana Islam barat.

Buku beliau yang terkenal iaitu Muqaddimah dianggap sebagai pengasas ilmu kepada masyarakat atau ketamadunan. Selain itu, pandangan dan teori-teori yang dikemukakan oleh beliau telah banyak menyumbang kepada masyarakat sehingga ke hari ini.

SUMBER



Sumber

- <https://www.scribd.com/doc/49829054/BIODATA-IBN-KHALDUN>
- <https://mediaislam.net/berita/2023/05/27/ibn-khaldun-biografi-ringkas/>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/70052/sinar-islam/ibnu-khaldun-pelopor-pemikiran-moden-dalam-pelbagai-bidang>
- <file:///C:/Users/02076/Downloads/1321-2355-1-SM.pdf>
- <https://www.slideshare.net/slideshow/sumbangan-ibnu-khaldun/127532702>
- <https://azizharjinesei2015oktober.blogspot.com/2015/10/sejarah-kelahiran-dan-sumbangan-ibnu.html>

TAMAT

Terima kasih

